



26 JUN, 2024

Kantoi seludup 2,500 pokok bonsai

Kosmo, Malaysia



NORLELA (tengah) menunjukkan antara pokok bonsai dirampas di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara di Klang semalam. – AFIQ RAZALI

Kantoi seludup 2,500 pokok bonsai

KLANG – Cubaan menyeludup 2,500 batang pokok bonsai bersama pokok hiasan plastik gagal selepas dikesan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, baru-baru ini.

Rampasan bernilai RM200,000 dilakukan dalam sebuah kontena di Pelabuhan Utara pada 30 Mei lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, semakin mendapati pengimport telah membuat pengiklanan palsu sebagai pokok landskap plastik melalui borang kastam 4 bagi mengelak dikesan

pihak kastam.

Katanya, bagaimanapun hasil pemeriksaan lanjut menemui sejumlah pokok bonsai dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Siasatan mendapati pokok-pokok bonsai itu berasal dari negara Asia Utara.

"Usia pokok-pokok tersebut masih dalam siasatan dan mencecah ribuan ringgit sekiranya dijual bagi setiap satu," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara di sini, semalam.

Tegas beliau, pokok bon-

sai adalah barangan larangan pengimportan kecuali mempunyai lesen import dibawah Butiran 29 (1), Bahagian 1, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan mengenai Import) 2023.

Dalam perkembangan berlainan, Norlela menjelaskan sebanyak 2,983 unit kipas bernilai RM40,100 berjaya dirampas pada 9 dan 13 Mei lalu.

Ujarnya, ini susulan penahanan dua buah kontena di Pelabuhan Utara yang menemukan kipas angin jenis berdiri yang tiada kelulusan Suruhanjaya Tenaga.



26 JUN, 2024

Kantoi seludup 2,500 pokok bonsai

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

KLANG - Cubaan menyeludup 2,500 batang pokok bonsai bersama pokok hiasan plastik gagal selepas dikesan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, baru-baru ini. Rampasan bernilai RM200,000 dilakukan dalam sebuah kontena di Pelabuhan Utara pada 30 Mei lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, semakan mendapati pengimport telah membuat pengikraran palsu sebagai pokok landskap plastik melalui borang kastam 4 bagi mengelak dikesan

pihak kastam.